



Jurnal Intelek

URDC UiTM Perlis

Volume 3 No. 1

January 2005

ISSN 1675-9885

The Effect of Slicing JPEG File on the
Web Page Download Time

Fakhrul Hazman Yusoff
Anita Mohd Yasin
Rozyanawaty Osman

Study of Nickel Coating on Clay Ceramic Body

Saidatulakmar
Shamsuddin
Baharuddin Wanik
Ahmad Fauzi Mohd Noor
Zainal Afiffin Ahmad

An Exploratory Analysis of Organizational Citizenship
Behaviour Factor Structure in a Malaysian Context

Shaiful Anuar Khalid
Hassan Ali

Pengurusan Sumber Perikanan Secara 'Co-Management':
Kajian Kes di Kedah dan Perlis

Jamal Ali
Ahmad Mahzan Ayob

Pembinaan Penderia pH Gentian Optik Pintar Berasaskan
Reagen Terpegun dan Rangkaian Neural Tiruan (ANN)

Faiz Bukhari Mohd Suah
Abdul Mutalib Md Jani
Mohd Nasir Taib

Entrepreneurs: Challenges and Expectations

Normah Ahmad

Is Traditional Budgeting Still Relevant?

Rosiatimah Mohd Isa

Proses Evolusi Seorang Guru

Naginder Kaur a/p Surjit Singh

Pengendalian Kes Perceraian dan Permasalahan
di Mahkamah Syariah Perlis

Che Latifah Hj. Ismail

Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man)
dalam Perbahasan Ekonomi Islam

Basri Abd. Ghani

JURNAL INTELEK

(A Publication of Unit for Research, Development and Commercialisation,
UiTM Perlis)

Editorial Committee

Chairman: Associate Prof Dr. Ahmad Redzuan Abd Rahman
Editor-in-chief: Associate Prof. Dr. Mahadzir Hj Din

Sarina Muhamad Noor	Yazid Mohd. Esa
Mohd Asri Mohd Noor	Hasnun Nita Ismail
Intan Marzita Saidon	Khairul Anwar Sedek

Reviewers

The people listed here have worked jointly with the editorial committee by devoting their time and specialized knowledge in reviewing a substantial number of manuscripts submitted to Jurnal Intelek between January 2005 and April 2005.

Assoc. Prof. Alias Ramli (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Hamidi Abd Hamid (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Khudzir Hj Ismail (UiTM)
Dr. Hj. Mohd Arshad Mohd Taib
Prof. Dr. Rosna Awang Hashim (UUM)
Assoc. Prof. Dr. Mazani Manaf (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Kamil Md. Idris (UUM)
Mr. David S. Levins (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Saadiah Muhamad (UiTM)
Dr. Ghafarullahuddin Hj Din (UiTM)

Aims of the journal - *Jurnal Intelek* is a refereed journal published bi-annually in May and November each year. The journal which publishes original articles based on a broad general area, serves as a platform for scholars to disseminate information and latest findings on various research areas for the benefits of the public.

© *Jurnal Intelek* is jointly published by the Unit for Research, Development and Commercialisation (URDC), Universiti Teknologi MARA Perlis and Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the Faculty or the University.

Jurnal Intelek

Volume 3 No. 1
January 2005
ISSN 1675-9885

- | | |
|--|-----|
| 1. The Effect of Slicing JPEG File on the Web Page Download Time | 1 |
| Fakhrul Hazman Yusoff
Anita Mohd Yasin
Rozianawaty Osman | |
| 2. Study of Nickel Coating on Clay Ceramic Body | 11 |
| Saidatulakmar Shamsuddin
Baharuddin Wanik
Ahmad Fauzi Mohd Noor
Zainal Afiffin Ahmad | |
| 3. An Exploratory Analysis of Organizational Citizenship Behaviour Factor Structure in a Malaysian Context | 21 |
| Shaiful Anuar Khalid
Hassan Ali | |
| 4. Pengurusan Sumber Perikanan Secara 'Co-Management': Kajian Kes di Kedah dan Perlis | 35 |
| Jamal Ali
Ahmad Mahzan Ayob | |
| 5. Pembinaan Penderia pH Gentian Optik Pintar Berasaskan Reagen Terpegun dan Rangkaian Neural Tiruan (ANN) | 51 |
| Faiz Bukhari Mohd Suah
Abdul Mutalib Md Jani
Mohd Nasir Taib | |
| 6. Entrepreneurs: Challenges and Expectations | 69 |
| Normah Ahmad | |
| 7. Is Traditional Budgeting Still Relevant? | 75 |
| Rosiatimah Mohd Isa | |
| 8. Proses Evolusi Seorang Guru | 85 |
| Naginder Kaur a/p Surjit Singh | |
| 9. Pengendalian Kes Perceraian dan Permasalahan di Mahkamah Syariah Perlis | 95 |
| Che Latifah Hj. Ismail | |
| 10. Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man) dalam Perbahasan Ekonomi Islam | 107 |
| Basri Abd. Ghani | |

Call for Paper

Jurnal Intelek – Guidelines on Submission of Manuscripts

1. Author(s) should submit four copies of the full manuscripts (one original, and three duplicate sets with the name of author(s), affiliation, mailing/e-mail address and telephone/fax number masked out).
2. All manuscripts should be double-spaced, without pagination on only one side of A4 size paper with 1.5", 1.0", 2.0" and 1.0" margins from the top, bottom, left and right respectively; preferably on Microsoft Word. However, page number should be written in pencil at the bottom right corner of each page. Sections should be numbered and titled as 1.0, 2.0, etc, and subsections should be numbered and titled as 1.1, 1.2, 1.3, 2.2, 2.2.1, etc.
3. The length of the manuscripts should not exceed 5000 words (not exceeding 10 pages including illustrations and tables). An abstract of between 100 and 200 words should also be included.
4. A figure or photo should be labelled as "Fig.," and a table with "Table" and must be assigned an Arabic numeral as figure number or table number. The figure number and title should be placed below the figure, whereas the table number and title should be placed on top of the table. All illustrations and tables should be in the middle of the page between the left and right margin.
5. Author(s) are responsible for obtaining permission to use any published material. The publisher shall not be held responsible for the use of such material. It is also the responsibility of the author(s) to check the accuracy of the data, references and statements.
6. The reference list should be arranged in alphabetical order following the APA style (5th Edition) and should include only works cited in the text. Examples:

Berndt, T. J. (1999). Friends' influence on students' adjustment to school. *Educational Psychologist*, 34, 15-28.

Bishop, A. J. & Whitfield, R. C. (1982). *Situations in teaching*. London: McGraw-Hill.

Heath, S. B. (1989). The learner as culture member. In M. L. Rice & R. L. Schiefelbusch, (Eds.), *The teachability of language*. (pp. 333-350). Toronto: Paul H. Brookes.

Kenneth, I. A. (2000). A Buddhist response to the nature of human rights.

Journal of Buddhist Ethics, 8(4). Retrieved February 20, 2004, from <http://www.cac.psu.edu/jbe/twocont.html>

7. It is a condition of publication that manuscripts submitted to the journal have not been published, accepted for publication nor simultaneously submitted to the journal for publication elsewhere. By submitting a manuscript, the author(s) agree that copyright of the article is transferred to the publisher if and when the manuscript is accepted for publication.
8. Author(s) will receive three copies of the issue of the journal in which their article is published. These will be given only to the first-named author of co-authored articles.
9. The editors reserve the rights to edit/format the manuscripts to maintain a consistent style.
10. Manuscripts and enquiries should be sent to: The Editor, Jurnal Intelek, Unit for Research, Development and Commercialisation (URDC), Universiti Teknologi MARA, Perlis Branch, Arau, 02600 Perlis, MALAYSIA. (mbhd@perlis.uitm.edu.my)

Prosedur dan Kaedah Pengendalian Kes Perceraian di Mahkamah Syariah Perlis

Che Latifah Hj. Ismail

Perceraian menurut syariat Islam boleh berlaku melalui beberapa cara dengan syarat-syarat dan rukun-rukun tertentu. Setiap perceraian di Malaysia mestilah didaftarkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Negeri masing-masing. Tulisan ini berdasarkan kajian yang telah dilakukan di Mahkamah Syariah Negeri Perlis bagi meninjau jumlah dan jenis-jenis kes perceraian serta prosedur pengendalian yang dilakukan dari tahun 1996 hingga 2000. Hasil kajian ini terdapat beberapa jenis perceraian yang telah dikendalikan oleh Mahkamah Syariah Perlis, iaitu kes Fasakh, Cerai, Tebus Talak (Khulu') dan Batal Nikah.

Kajian ini juga telah mengenal pasti beberapa prosedur yang perlu dipatuhi termasuk prosedur Tuntutan dan Pembelaan, Prosedur Perbicaraan Kes dan Prosedur Rayuan yang telah ditetapkan oleh Enakmen. Selain itu, beberapa kaedah telah digunakan untuk pengendalian kes perceraian iaitu melalui kaedah penyiasatan, runding damai (Sulh), membentuk Jawatankuasa Pendamai, melalui kaedah timbang tara (Hakam) dan perbicaraan di mahkamah. Kaedah-kaedah ini dilaksanakan berdasarkan kesesuaian kes yang didaftarkan. Bagaimanapun terdapat beberapa masalah yang menghalang kelancaran pengendalian kes ini. Pihak mahkamah juga menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan dewan perbicaraan yang menyebabkan perancangan masa perbicaraan kes tidak dapat disempurnakan mengikut masa yang telah ditetapkan. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk memantapkan lagi pengendalian kes di Mahkamah Syariah Perlis khususnya, dan Mahkamah Syariah di Malaysia keseluruhannya.

Pendahuluan

Perkahwinan merupakan suatu syariat yang ditetapkan oleh Allah sebagai memenuhi keperluan manusia. Bagaimanapun Islam juga telah mensyariatkan perceraian sebagai satu penyelesaian bagi perkahwinan yang tidak dapat diselamatkan lagi. Secara terminologinya, perceraian membawa maksud terputusnya hubungan atau ikatan perkahwinan berdasarkan sebab-sebab tertentu. Perkara-perkara yang boleh membawa kepada berlakunya perceraian termasuklah *talaq, khulu', fasakh, li'an, ila', zihar dan syiqaq*.

Di Malaysia, setiap orang Islam yang melalui proses perkahwinan dan perceraian mestilah melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh Enakmen

Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Negeri masing-masing. Perceraian yang dilakukan tanpa difailkan dan disahkan di Mahkamah Syariah akan menimbulkan berbagai masalah yang akan menyukarkan pihak yang terlibat dan masyarakat seluruhnya. Kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai prosedur di mahkamah akan menyebabkan kes-kes mereka tidak dapat dikendalikan dengan sewajarnya dan mengalami kelewatan dalam pengendaliannya. Kenyataan ini dibuktikan melalui kajian yang dibuat di Mahkamah Syariah Perlis.

Latar Belakang Mahkamah Syariah Negeri Perlis

Mahkamah Syariah Negeri Perlis ditubuhkan pada tahun 1921M bersamaan 1340H. Pada tahun 1963 ia telah ditadbir menurut Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis di bawah kuasa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Pada tahun 1988 ia ditadbir pula oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs).

Pada 3 Disember 1992, kerajaan Negeri Perlis telah mewartakan suatu undang-undang yang dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 bagi memantapkan lagi pentadbirannya. Pada 1 Januari 1995, Mahkamah Syariah Negeri Perlis telah mempunyai bidang kuasa pentadbirannya sendiri setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Perlis. Beberapa pindaan di buat terhadap Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 dan sehingga kini ia ditadbirkan menerusi Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 (Pindaan 1996).

Penubuhan Mahkamah ini adalah bertujuan untuk memastikan undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan adil berdasarkan hukum yang berpandukan al-Qur'an dan Sunnah, berusaha mendisiplinkan masyarakat untuk mematuhi undang-undang dan semua prosiding Mahkamah, menyimpan dan mengemaskinikan rekod-rekod perbicaraan serta menyelesaikan permasalahan yang berbangkit di kalangan masyarakat Islam. Mahkamah ini juga bertujuan untuk membicarakan dan menguatkuasakan semua kes-kes jenayah dan mal termasuklah kes perkahwinan, perceraian dan rujuk di kalangan masyarakat Islam di Negeri Perlis.

Sehingga kajian ini dibuat, Pentadbiran Mahkamah Syariah Perlis diketuai oleh seorang Kadi, dibantu oleh enam orang kakitangan iaitu seorang Pembantu Hal Ehwal Islam, dua orang Pembantu Tadbir, seorang Pembantu Tadbir Rendah, seorang Penghantar Notis dan seorang Pembantu Am Rendah.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan melalui dua cara iaitu:

- i. Kajian Perpustakaan: Pengkaji mendapatkan maklumat mengenai isu-isu perceraian melalui al-Qur'an, al-Hadith dan kitab-kitab Mu'tabar serta bahan-bahan lain melalui majalah, akhbar dan internet.

- ii. Kajian Lapangan: Pengkaji telah mendapatkan maklumat mengenai kes-kes yang dibicarakan melalui temuramah dan perbincangan dengan kakitangan mahkamah termasuk Tuan Kadi. Maklumat juga diperolehi melalui temu bual dengan peguam yang terlibat mengendalikan kes-kes tersebut. Selain itu, maklumat paling penting diperolehi melalui kajian fail-fail kes yang tersimpan di Mahkamah Syariah Perlis di samping mengikuti perbicaraan secara terbuka yang dilakukan di mahkamah.

Hasil kajian yang telah dilakukan, beberapa penemuan diperolehi. Ianya meliputi jenis-jenis kes perceraian yang dikendalikan oleh Mahkamah Syariah Perlis bagi tahun 1996 hingga 2000 serta prosedur dan kaedah yang digunakan dalam proses pengendalian kes-kes tersebut.

Kes-kes Perceraian yang Dikendalikan oleh Mahkamah Syariah Perlis bagi Tahun 1996 hingga 2000

Berdasarkan kepada rekod catatan Mahkamah Syariah Negeri Perlis untuk tahun 1996 hingga 2000 pihak Mahkamah telah mengendalikan sejumlah 1,120 kes-kes perceraian berdaftar. Dari jumlah tersebut, sebanyak 878 kes (78.4%), manakala 242 kes (21.6%) masih lagi tertangguh. Hal ini dapat dijelaskan melalui jadual di bawah ini :

Jadual 1: Kes Perceraian yang Didaftarkan, Diselesaikan atau Ditangguhkan bagi Tahun 1996 hingga 2000

Tahun	Bil. Daftar	Peratus	Selesai	Peratus	Tangguh	Peratus
1996	199	17.7 %	181	16.2 %	18	1.6 %
1997	234	20.9 %	204	18.2 %	30	2.7 %
1998	255	22.8 %	217	19.4 %	38	3.4 %
1999	227	20.3 %	178	15.9 %	49	4.4 %
2000	205	18.3 %	61	5.4 %	144	12.8 %
Jumlah	1120	100 %	841	75.1 %	279	24.9 %

Berdasarkan kepada jadual tersebut, didapati bilangan kes-kes perceraian yang tertinggi didaftarkan adalah pada tahun 1998 iaitu sebanyak 255 kes (22.8%). Pada tahun yang sama pihak mahkamah juga telah berjaya mengendalikan sebanyak 217 kes (19.4%) yang merupakan catatan tertinggi bagi kes-kes yang diselesaikan untuk tempoh lima tahun. Manakala tahun 2000 pula mencatatkan angka dan peratusan yang agak besar bagi kes-kes yang tertangguh iaitu sebanyak 144 kes (12.8%).

Jenis-jenis Kes Perceraian yang Dikendalikan oleh Mahkamah Syariah Perlis bagi Tahun 1996 hingga 2000

Sepanjang tempoh lima tahun (1996 hingga 2000) Mahkamah Syariah Perlis telah mengendalikan beberapa jenis kes perceraian seperti permohonan *fasakh*, cerai, tebus talak (*Khulu'*) dan batal nikah. Jenis-jenis kes perceraian tersebut adalah terkandung dalam Jadual 2.

Jadual 2: Jenis-Jenis Kes Perceraian bagi Tahun 1996 Hingga 2000

Tahun		1996		1997		1998		1999		2000	
Bil.	Kes	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1	Fasakh	63	37.7	77	32.9	69	27.1	85	37.4	64	31.2
2	Cerai	126	63.3	134	57.3	159	62.4	130	57.3	128	62.4
3	Tebus Talak	3	1.5	7	3.0	9	3.5	4	1.8	6	3.0
4	Batal Nikah	7	3.5	16	6.8	18	7.1	8	3.5	7	3.4
	Jumlah	199	100	234	100	255	100	227	100	205	100

Berdasarkan jadual di atas, Mahkamah Syariah Negeri Perlis telah mengendalikan sebanyak 677 kes permohonan cerai (60.4%) yang merupakan bilangan kes terbesar yang dikendalikan untuk tempoh lima tahun. Ia diikuti oleh kes permohonan *fasakh* berjumlah 358 kes (32%), disusuli pula dengan kes permohonan batal nikah berjumlah 56 kes (5%), manakala sejumlah 29 kes (2.6%) pula didaftarkan sebagai kes permohonan tebus talak (*Khulu'*)

Ini membuktikan bahawa kebanyakan kes perceraian yang berlaku di Perlis adalah berdasarkan permohonan cerai yang dituntut orang ramai, khasnya pihak suami. Kes *fasakh* dan *khulu'* pula merupakan perceraian yang dituntut oleh pihak isteri, dan kes permohonan batal nikah adalah melibatkan ibu bapa yang tidak bersetuju terhadap perkahwinan yang berlaku di kalangan anak-anaknya atau kes perkahwinan di luar negara. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak difokuskan kepada faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya sesuatu perceraian.

Perincian Jenis-jenis Kes Perceraian yang Didaftarkan, Diselesaikan dan Ditangguhkan bagi Tahun 1996 hingga 2000

Jadual-jadual di bawah ini adalah untuk menjelaskan tentang bilangan dan tahun kes-kes tersebut didaftarkan, bilangan dan tahun kes-kes tersebut diselesaikan serta jumlah kes-kes yang tertangguh berdasarkan kepada kronologi masa:

*Prosedur dan Kaedah Pengendalian Kes Perceraian di Mahkamah
Syariah Perlis*

a). Statistik bagi Tahun 1996

Bil.	Jenis Kes	Jumlah Kes	Selesai Pada Tahun					Tangguh
			1996	1997	1998	1999	2000	
1	Fasakh	63	47	4	2	1	2	7
2	Cerai	126	117	1	-	-	-	8
3	Tebus Talak	3	3	-	-	-	-	-
4	Batal Nikah	7	4	-	-	-	-	3

b). Statistik bagi Tahun 1997

Bil.	Jenis Kes	Jumlah Kes	Selesai Pada Tahun				Ditangguhkan
			1997	1998	1999	2000	
1	Fasakh	77	57	3	3	2	12
2	Cerai	134	111	7	1	-	15
3	Tebus Talak	7	6	-	-	1	-
4	Batal Nikah	16	11	2	-	-	3

c). Statistik bagi Tahun 1998

Bil.	Jenis Kes	Jumlah Kes	Selesai Pada Tahun			Ditangguhkan
			1998	1999	2000	
1	Fasakh	69	47	-	6	16
2	Cerai	159	128	10	2	19
3	Tebus Talak	9	9	-	-	-
4	Batal Nikah	18	13	1	1	3

d). Statistik bagi Tahun 1999

Bil.	Jenis Kes	Jumlah Kes	Selesai Pada Tahun		Ditangguhkan
			1999	2000	
1	Fasakh	85	35	21	29
2	Cerai	130	88	26	16
3	Tebus Talak	4	2	2	-
4	Batal Nikah	8	4	-	4

e). Statistik bagi Tahun 2000

Bil.	Jenis Kes	Jumlah Kes	Selesai Pada Tahun 2000	Ditangguhkan
1	Fasakh	64	9	55
2	Cerai	128	46	82
3	Tebus Talak	6	2	4
4	Batal Nikah	7	4	3

Berdasarkan kepada statistik-statistik di atas, amnya Mahkamah Syariah Perlis berjaya mengendalikan dan menyelesaikan kes-kes perceraian yang didaftarkan dalam bilangan yang agak besar kecuali pada tahun 1999 dan 2000. Menurut penjelasan yang diberikan oleh Pembantu Pegawai Hal Ehwal Agama Islam Mahkamah Syariah Negeri Perlis, hal ini berlaku kerana pegawai yang berkhidmat sebagai Naib Kadi Mahkamah Syariah Negeri Perlis telah meninggalkan jawatan tersebut untuk berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis pada tahun 1999. Sehingga kini kekosongan jawatan Naib Kadi di Mahkamah Syariah Negeri Perlis masih berlaku. (Encik Suhaimi bin Haji Mahmud, Jumaat, 12/10/01).

Prosedur Perceraian di Mahkamah Syariah Perlis

Sebelum sesuatu kes perceraian itu dapat disahkan, beberapa prosedur perlu dipatuhi oleh pasangan yang ingin bercerai.

Prosedur Tuntutan dan Pembelaan

a. Pernyataan Tuntutan

Pihak yang ingin membuat permohonan perceraian di Mahkamah perlu menyediakan pernyataan tuntutan yang lengkap, seperti nama dan alamat, fakta-fakta yang diujahkan dan memberikan alasan tindakannya, butir-butir tuntutan yang mencukupi, kenyataan pemulihan yang dituntut dan lain-lain. Pernyataan tuntutan ini hendaklah ditandatangani olehnya atau peguam syariahnya. (Enakmen Prosuder Mal Mahkamah Syariah 1991, Seksyen 54 (1) dan (2).

b. Pendaftaran

Pernyataan tuntutan yang telah dibuat hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Mahkamah untuk tujuan pendaftaran dan rekod. (Ibid. Seksyen 113)

c. Saman

Setelah menerima pernyataan tuntutan yang lengkap, Mahkamah akan mengeluarkan satu saman yang mengarahkan defendan supaya hadir ke Mahkamah (Ibid. Seksyen 47 (2)).

d. Pembelaan

Setelah menerima saman, defendan berhak untuk menerima atau menentang kes tersebut. Sekiranya defendan hendak menentang, suatu pembelaan bagi semua tuntutan atau sebahagian tuntutan plaintif mesti dikemukakan. (Ibid. Seksyen 55).

e. Tuntutan Balas

Pihak defendan boleh membuat tuntutan balas (Ibid, Seksyen 57 (1)). Pihak plaintif juga boleh membela tuntutan balas tersebut, dalam tempoh masa yang diarahkan oleh Mahkamah. (Ibid, Seksyen 58 (1)). Jika plaintif gagal untuk memenuhi syarat tersebut Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkan bersesuaian. (Ibid, Seksyen 58 (2)).

Prosedur Perbicaraan Kes

a. Tarik Balik Tuntutan atau Pembelaan (Sulh)

Sebelum sesuatu perbicaraan diadakan, Mahkamah memberi peluang kepada mana-mana pihak untuk menyelesaikan pertikaian mereka dengan cara menarik balik tuntutan atau pembelaan (*sulh*). (Ibid, Seksyen 89). Ia boleh dilakukan dengan memberi notis kepada defendan. (Ibid, Seksyen 90)

b. Perbicaraan

Sekiranya kedua-dua belah pihak gagal menyelesaikan pertikaian maka hendaklah dibicara dan diputuskan dalam Mahkamah terbuka (Ibid, Seksyen 115). Tetapi Mahkamah boleh mengikut budibicaranya dalam mana-mana kes tersebut memerintahkan penangguhan (Ibid, Seksyen 117 (2)).

c. Penghakiman

Penghakiman ini hendaklah dibuat di Mahkamah terbuka (Ibid, Seksyen 127) dan hendaklah mengandungi tarikh bila ianya diberi atau dibuat dan hendaklah terus berkuatkuasa dari tarikh tersebut. (Ibid, Seksyen 133).

Prosedur Rayuan Kes

a. Notis Rayuan

Rayuan kepada Jawatan Kuasa Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah dibuat dengan cara memberi notis rayuan dalam borang yang ditetapkan dalam tempoh empat belas hari. (Enakmen Prosuder Mal Mahkamah Syariah 1991, Seksyen 234 (1)). Rayuan boleh dilakukan secara keseluruhan atau mana-mana bahagian sesuatu keputusan kepada Jawatan Kuasa Mahkamah Rayuan Syariah (Ibid. Seksyen 234 (1)).

b. Petisyen Rayuan

Pihak perayu hendaklah memfailkan rayuan dalam lima salinan (Ibid, Seksyen 235 (1)).

c. Rekod Rayuan

Mahkamah hendaklah menyediakan salinan rekod rayuan yang mengandungi semua dokumen yang menjadi ekshibit dan berkaitan dengan maksud rayuan. (Ibid, Seksyen 236 (1)).

d. Penghakiman

Jawatan Kuasa Mahkamah Rayuan yang mendengar rayuan hendaklah memberi alasan keputusan terhadap penghakiman yang dibuat (Ibid, Seksyen 239 (1)). Keputusan Jawatan Kuasa Mahkamah Rayuan adalah muktamad. (Ibid, Seksyen 239 (2)).

Kaedah Pengendalian Kes-kes Perceraian di Mahkamah Syariah Perlis

Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah Negeri Perlis 1991 dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991 memperuntukkan beberapa kaedah yang boleh digunakan oleh pihak Mahkamah Syariah Negeri Perlis dalam mengendalikan mana-mana kes perceraian, kaedah-kaedah yang diwartakan dalam Enakmen tersebut ialah:

a. Penyiasatan

Sebelum sesuatu permohonan perceraian diluluskan, pasangan yang memohon perceraian diarahkan supaya menghadirkan diri ke Mahkamah untuk membolehkan pihak Mahkamah Syariah menyiasat sama ada kedua-dua belah pihak bersetuju terhadap perceraian tersebut. Sekiranya kedua belah pihak

Prosedur dan Kaedah Pengendalian Kes Perceraian di Mahkamah Syariah Perlis

bersetuju untuk bercerai dan Mahkamah mendapati bahawa perkahwinan itu tidak dapat diselamatkan lagi setelah suatu penyiasatan yang wajar dilakukan, maka Mahkamah hendaklah menasihatkan suami supaya melafazkan satu talak di hadapan Mahkamah. (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991, Bahagian V, Seksyen 47 (3)).

b. *Sulh* (Runding Damai)

Berdasarkan kepada kaedah ini pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu prosiding digalakkan supaya menyelesaikan pertikaian mereka melalui rundingan (*Sulh*) terlebih dahulu sebelum kes mereka dibicarakan di Mahkamah terbuka. (Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah Negeri Perlis 1991, Bahagian XIV, Seksyen 89).

b. Jawatankuasa Pendamai

Sekiranya pihak Mahkamah mendapati masih terdapat kemungkinan yang munsabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak yang menuntut perceraian, Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera melantik suatu jawatankuasa pendamai yang terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai pengerusi, seorang yang bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri untuk mengendalikan kes tersebut dalam tempoh enam bulan atau mengikut tempoh yang yang dibenarkan oleh Mahkamah bermula dari tarikh jawatankuasa pendamai dibentuk. (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam, 1991), Bahagian V, Seksyen 47 (5) dan (9)).

c. *Hakam* (Timbang Tara)

Kaedah ini biasanya digunakan terhadap pasangan yang menghadapi permasalahan rumah tangga yang kritikal (*Shikak*). Menerusi kaedah ini Mahkamah Syariah berhak melantik mengikut hukum syarak dua orang penimbang tara (*hakam*) untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri. Juga diarahkan kepada *hakam* yang dilantik supaya berusaha mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka masing-masing dan boleh jika kuasa mereka membenarkan melafazkan satu talak di hadapan Mahkamah mengikut kebenaran yang diberikan oleh Mahkamah sekiranya penyelesaian tidak tercapai. (Ibid, Seksyen 48 (1) dan (5)).

Dari keempat-empat kaedah tersebut di atas pihak Mahkamah Syariah hanya mengamalkan kaedah *sulh* dalam mengendalikan kes-kes perceraian, manakala lain-lain kaedah tidak dapat dipraktikkan kerana pihak Mahkamah Syariah Negeri Perlis kekurangan kakitangan untuk melaksanakan serta mengawasinya menurut keterangan yang diberikan oleh Tuan Kadi Mahkamah Syariah Negeri Perlis. (Ustaz Haji Osman bin Ismail, Kadi Besar Mahkamah Syariah Negeri Perlis, Selasa, 6.11.2001)

Kesimpulan

Hasil daripada penelitian ke atas beberapa fail kes-kes perceraian yang telah dikendalikan oleh pihak Mahkamah Syariah Negeri Perlis serta pemerhatian dan temubual yang dijalankan dengan pihak-pihak yang terlibat, beberapa masalah yang menyebabkan sesuatu kes itu terpaksa ditangguhkan telah dikenal pasti. Ianya meliputi:

Peringkat Pra Bicara

Peringkat pra bicara merupakan peringkat awal perbicaraan di mana proses-proses untuk menjalankan sesuatu perbicaraan dilakukan seperti proses pendaftaran kes, penetapan tarikh perbicaraan, penghantaran saman dan penghantaran notis hadir bicara.

Masalah penghantaran saman merupakan masalah utama kelewatan perbicaraan kes.

Peringkat Perbicaraan

Peringkat perbicaraan merupakan peringkat sesuatu perbicaraan itu dijalankan pada tarikh yang ditetapkan. Pada peringkat ini, semua pihak yang terlibat telah hadir di Mahkamah untuk dibicarakan. Tetapi kadangkala pihak Mahkamah terpaksa menangguhkan proses sesuatu perbicaraan kerana:

- a. Kekurangan Hakim Bicara – Sewaktu kajian ini dilakukan hanya terdapat seorang sahaja hakim yang membicarakan segala kes di Mahkamah Syariah Negeri Perlis. Jika berlaku keuzutan di pihak hakim, maka kes terpaksa ditangguhkan.
- b. Ketidaktepatan masa menjalankan perbicaraan – terutamanya kelewatan peguam-peguam menghadirkan diri ke Mahkamah serta masalah-masalah pengurusan di mahkamah.

Masalah pihak-pihak yang terlibat – misalnya pihak yang terlibat tidak hadir, tidak membawa saksi yang boleh diterima oleh mahkamah, dan pihak terlibat sendiri yang memohon untuk menangguhkan kes dengan berbagai alasan.

Cadangan dan Penutup

Mahkamah Syariah Negeri Perlis dalam usahanya untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat amnya telah membuahkan hasil yang agak memuaskan berdasarkan statistik kes-kes yang dibicarakan dan diselesaikan. Namun begitu, pihak-pihak yang bertanggungjawab dari semasa

ke semasa perlulah mengkaji, menyelidiki dan mengambil langkah-langkah positif dan berkesan untuk menangani semua kes supaya tidak tertangguh dan menimbulkan beban kepada masyarakat dan menimbulkan pandangan negatif kepada pihak Mahkamah Syariah secara keseluruhannya dan menimbulkan beban kepada masyarakat dan menimbulkan pandangan negatif kepada pihak Mahkamah Syariah secara keseluruhannya.

Beberapa cadangan yang dikemukakan ialah:

- Pendedahan mengenai Prosedur Mahkamah yang lebih meluas kepada orang ramai.
- Menambahkan bilangan kakitangan mahkamah termasuk Hakim.
- Menambahkan Dewan Perbicaraan.
- Mengadakan Senarai Rujukan Tindakan (Check-list) untuk menyusun perancangan masa perbicaraan.
- Mengatasi masalah penghantaran saman.
- Menyelaraskan Undang-undang Mahkamah Syariah antara negeri-negeri.
- Menubuhkan Biro Pemantauan dan Penyelidikan untuk membantu masyarakat dan pihak mahkamah.

Rujukan

Buku Rekod Daftar Mahkamah Syariah Perlis bagi tahun 1996 hingga 2000.

Enakmen Bil. 5/1992, 3 Disember 1992.

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991, Enakmen Bil. 5/1992, 3 Disember 1992

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 (Pindaan 1996), Enakmen Bil.2/2001, 3 Mac 2000.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perlis (1991), Perlis: Mahkamah Syariah

Laporan Tahunan Mahkamah Syariah Perlis (1999), Perlis: Mahkamah Syariah Perlis

Taklimat Lawatan Kerja Jabatan Kehakiman Malaysia, 17 Ogos 1999.

CHE LATIFAH HJ. ISMAIL, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU),
Universiti Teknologi MARA Perlis, 02600 Arau, Perlis. E-mail:
chelatifah@perlis.uitm.edu.my